

Panduan untuk Pesakit dan Keluarga

Pembesaran Anak Mata Bagi Mengesan Penyakit Diabetik Retinopati



Untuk mendapatkan imej yang terbaik dan memastikan pengesanan retinopati diabetik yang tepat (terutamanya bagi mereka yang turut mengalami katarak), pembesaran anak mata perlu dilakukan.

Harap maklum:



Anda dinasihati supaya tidak memandu ke pusat pemeriksaan kerana penglihatan anda mungkin menjadi kabur selepas ujian mata



Penglihatan kabur biasanya akan beransur pulih dalam masa 5-6 jam. Kemampuan membaca dan melakukan kerja dekat mungkin akan terjejas buat sementara waktu.



Pembesaran anak mata juga boleh menyebabkan peningkatan tekanan bola mata secara tiba-tiba (glaukoma yang mendadak)

Tanda dan gejala



Jika anda mengalami simptom berikut selepas pembesaran anak mata, segera dapatkan rawatan daripada pakar mata atau hospital yang berdekatan:

- Sakit mata atau mata menjadi kemerahan
- Penglihatan menjadi kabur secara tiba-tiba
- Sakit kepala
- Rasa mual atau muntah

Keadaan Glaukoma mendadak akibat pembesaran anak mata amat jarang berlaku.
JANGAN CEMAS!
Ia boleh dirawat, jika rawatan diberikan dengan segera.

